



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **12 Apr 2021 (Isnin)**

Utusan Malaysia

Mampukah Noh swing Selangor?	1
Selangor sepatutnya boleh 'pesta' gol ke atas Perak	2

Harian Metro

Pemborong sawit rasuah RM300 didenda RM10k	3
Azmin dakwa audio Anwar-Zahid sahih	4
Pemain Selangor FC lebih matang	5

Kosmo

Eddin mohon maaf	6
------------------	---

Sinar Harian

Misi Al-Mulk peringkat komuniti	7
---------------------------------	---

RTM1

Bandar Bukit Beruntung, Bandar Bukit Sentosa Bakal Dibangunkan Semula	8
---	---

The Star

Azmin believes leaked audio clip is authentic	9
Perak, Negri and Melaka allow bazaars	10
Help is a chatbot away	11

China Press

The service team of the Civil Bank is working as usual,	12
Selangor delivery coordinator adoption selection	
Ng Sze Han: You must apply first,	13
Absolutely not allowed to occupy government land	
Sentosa Gardens face floods all the year round, The public water pipe obstructs the drainage of the river	14

Sin Chew Daily

Drain flow not working correctly; Fountains during rains in pasar Rawang	15
Rubbish hill raided, law enforcement made stricter; MPK seizes 5 lorries	16
Withered leaves, broken drains, and rubbish piles; Poor hygiene at grass park affects activities	17
Ng Sze Han expected to adopt Teratai, and handle electoral matters as well as allocations	18
Collapsed against after repairs; Cement cover changed to steel grate	19
Friends of peaceful female cops adopt Bandar Puteri; IGP : Women can become "eyes and ears" by lodging reports	20
Sultan of Selangor completed vaccination; Encourage residents to register for vaccination through action	21
Selangor MB : Bukit Sentosa, Bukit Beruntung; Development is for the residential areas benefit	22

Malaysia Nanban

Bukit Beruntung, Bukit Sentosa will be upgraded!	23
--	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 April 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Mampukah Noh swing Selangor?
Muka Surat	:	16


16

UTUSAN MALAYSIA
 ISNIN • 12 APRIL 2021

Rencana



Oleh ZULKIFLI JALLI
 zul.jalli@medianulla.com.my



Mampukah Noh swing Selangor?

PERSEMPADANAN semula kawasan pilihan raya yang dilakukan pada 2003 sekali gus memberi impak kepada Pilihan Raya Umum 2004. UMNO yang tiada isu besar waktu itu selepas Mr Clean, Tun Abdullah Ahmad Badawi ambil alih, sapu bersih seluruh 22 kerusi Parlimen di Selangor. Untuk kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), gilang gemilang juga. Sejumlah 54 daripada 56 kerusi didominasi BN kecuali Sungai Pinang dan Sekinchan.

Pilihan Raya Umum Ke-11 (PRU-11) itu momen terbaik BN seluruh Malaysia meskipun orang Melayu berpecah dek kes 'mata lebam' (20 September 1998). Di Selangor pada PRU 1999, UMNO masih melakar kejayaan kerusi Parlimen dan DUN. Cuma di Gombak Setia dan Sungai Burong, UMNO kalah kepada dua nama besar Pas, Allahyarham Datuk Ismail Kamus dan Datuk Dr. Hasan Mohamed Ali.

Masuk 2008, daripada 54 kerusi DUN, tinggal 20. Kerusi Parlimen berbaki lima sahaja. Pergi ke 2013, DUN 12, Parlimen empat. Pada PRU 2018, hanya tinggal dua kerusi Parlimen (tinggal satu selepas wakil rakyat Sabak Bernam lompat) dan kerusi DUN cuma empat.

Inilah laluan penuh berlaku buat Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Tan Sri Noh Omar. Kalaupun PRU, tetapi terus berjuang menentang kali kedua untuk memastikan Selangor

“
Di Selangor, sejak PRU 2008 lagi sehinggalah PRU 2018, jika undi dua parti yang kalah dicampurkan, biasanya ia mengatasi parti yang menang.

kembali ke pangkuan. Jika Noh masih bercita-cita besar, pertembungan UMNO dengan Pas perlu dielak. Jika tiga penjur, laluannya sukar. Di Selangor, sejak PRU 2008 lagi hinggalah PRU 2018, jika undi dua parti yang kalah dicampurkan, biasanya ia mengatasi parti yang menang. Di seluruh negara, kira-kira 30 kerusi Parlimen sedemikian rupa trendnya.

Di Selangor, waktu ini terdapat 37 kerusi DUN dan 14 kerusi Parlimen yang pengundinya lebih 50 peratus Melayu. Kerusi-kerusi ini jadi rebutan parti-parti Melayu terutama UMNO, Pas dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu).

Untuk lebih spesifik lagi, Utusan Malaysia difahamkan, daripada 37 kerusi, yang 70 peratus ke atas Melayu ada 18 kerusi, 60 hingga 70 peratus (13) dan 50 hingga 60 peratus (6).

Lebih 70 peratus ini meliputi Sungai Air Tawar,

Sungai Ramal, Jeram, Hulu Kelang, Kuang, Sungai Burong, Kota Anggerik, Semantan, Sungai Panjang, Sabak, Selat Klang, Batu Tiga, Morib, Sijangkang, Gombak Setia, Sungai Kandis, Hulu Bernam.

Yang 60 hingga 70 peratus merangkumi Paya Jaras, Semenyih, Batang Kali, Taman Medan, Pelabuhan Klang, Permatang, Taman Templer, Bukit Melawati, Lembah Jaya, Dusun Tua, Ijok, Pandan Indah dan Kota Damansara.

Baki 50 hingga 60 peratus didiami pengundi Melayu pula di DUN Meru, Seri Serdang, Sungai Tua, Tanjung Sepat, Seri Setia dan Sungai Pelek.

Untuk kerusi Parlimen pula, yang lebih 70 peratus pengundi Melayu boleh didapati di Sabak Bernam, Tanjong Karang, Kuala Langat, Gombak dan Kapar.

Antara 60 hingga 70 peratus majoriti Melayu pula di Sungai Besar, Kuala Selangor, Hulu Langat, Sungai Buloh dan Sepang manakala antara 50 ke 60 peratus di Ampang dan Selangor.

Kebiasaannya dalam siri PRU lepas apabila Pas menang di satu kerusi, UMNO pula menguasai empat di semua kawasan lebih 70 peratus Melayu.

PECAH TIGA

Andai Melayu pecah tiga dalam PRU-15, kemungkinan 40 peratus undi Melayu sahaja akan pergi ke BN, 30 peratus untuk Pas dan 30 peratus lagi kepada Pakatan Harapan (PH).

Bukan Melayu *solid* kepada PH.

Di Selangor, isu setiap kali PRU adalah kira-kira 50 peratus kerusi Parlimennya adalah marginal (komposisi pengundi Melayu dan bukan Melayu sama banyak). Bila Melayu berpecah = kalah.

Namun, di kawasan dominasi Melayu bandar seperti Shah Alam dan Gombak, meskipun 70 peratus pengundinya Melayu, UMNO masih kalah juga. Isu politik pembangunan dalam kempen sudah lupuk di mata pengundi. Berjanji baiki longkang, buat jalan raya dan turunkan tarif elektrik tak 'berapa makan'. Lebih ambil kisah pula soal integriti dan ideologi.

Lagipun, pengundi-pengundi dalam bandar termasuk di Shah Alam dan Petaling Jaya sudah 'dijajah' oleh generasi kedua dan ketiga. Maksudnya, bapa atau ketua keluarga dari luar bandar, berpindah ke Shah Alam. Ini seterusnya ke generasi yang 'tak ambil peduli sangat'. Kalau cakap pasal kemiskinan, bapanya yang dalam lingkungan usia 60, 65 tahun ke atas sahaja faham. Anak, cucu buat tak reti.

Kalau cakap pasal hak Melayu, pelajar di luar bandar nak raih keputusan 6A, 7A pun susah. Tapi di bandar, anak Melayu yang skor keputusan itu bukan luar biasa lagi. Kata mereka, "kalau saya bukan Melayu pun saya ada hak dapat asrama penuh (tingkatan 1, tingkatan 4), matrikulasi, asasi atau biasiswa."

Sebahagian generasi Melayu ini nak mengaku Melayu pun segan. Yang ramai dapat 10A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melambak. Jadi, dia merasakan apa lagi nak bercakap pasal Melayu.

Orang Melayu terpisah-pisah kawasan tempat tinggalnya. Golongan B40 yang perlu banyak ditinjau ialah di kawasan flat atau pangsapuri kos rendah. Di Lembah Subang sahaja ada 10,000 orang kategori ini. Gombak dan Puchong sudah berapa pula? Ini yang berlaku di Kota Anggerik, Batu Tiga dan Hulu Kelang. BN kalah di kawasan didiami B40 ini.

Di kawasan perumahan berpagar, berpengawal dan privasi (*gated*), isu yang menggami perhatian mereka lebih kepada soal integriti, bersih atau tidak si polan ini.

Baik UMNO Selangor, Pas, Bersatu, waime PKR sekalipun terpaksa akur. Jentera mana-mana parti era ini tidak sebegitu mudah mampu menarik hati pengundi.

Di Selangor, kalau Noh pergi ke satu penempatan flat pun, beliau sukar berjumpa dengan pengundi UMNO. Yang ditemukannya orang luar, dari Kelantan, Terengganu dan Kedah. Di Kota Kemuning, Noh bertemu mereka yang bukan pengundi di situ. Kalau ada rezeki, mungkin pengundinya sendiri dari Tanjung Karang atau berdekatan, Shah Alam.

Mampukah Noh swing atau menghayun sokongan pengundi Selangor untuk kembali semula kepada BN/UMNO Selangor?



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 April 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Selangor sepatutnya boleh 'pesta' gol ke atas Perak
Muka Surat	:	47

Selangor sepatutnya boleh 'pesta' gol ke atas Perak

PETALING JAYA: Menampilkan persembahan berbeza dan tidak beraksi seperti menentang Kedah tempoh hari menjadi kunci kepada kejayaan Selangor menundukkan Perak 3-1 dalam aksi Liga Super kelmarin.

Jurulatih Selangor, Karsten Neitzel berkata, skuad *Red Giants* sepatutnya mampu meledak lebih banyak gol menerusi persembahan seperti itu dalam saingan yang berlangsung di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Kemenangan itu menyaksikan Selangor mendaki ke tangga keenam dengan 11 mata, manakala Perak kelapan (lapan mata).

"Aksi yang dipamerkan oleh pasukan ketika bertemu Perak kali ini jauh lebih baik sewaktu tewas kepada Kedah pada 6 April lalu. Semua pemain

mendengar arahan ditetapkan. "Pemain bek kami di posisi kiri dan kanan juga berfungsi dengan cukup baik terutama ketika memberi sokongan buat jentera serangan.

"Secara jujur, saya lihat kami sepatutnya boleh menjaringkan lebih banyak gol tetapi apa yang penting adalah tiga mata penuh," katanya kepada media selepas tamat perlawanan kelmarin.

Sementara itu, penolong jurulatih Perak, Shahril Nizam Khalil mengesakan *Bos Gaurus* melupakan kekalahan kelmarin dan membuka buku baharu untuk berdepan Kedah di gelanggang sendiri, Sabtu ini.

"Kami akan bertemu Kedah dalam saingan akan datang di tempat sendiri. Kita mahu bangkit dan memberi saingan dalam liga nanti," katanya.



SELANGOR beraksi cemerlang dengan menewaskan Perak dalam saingan Liga Super.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
12 April 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Pemborong sawit rasuah RM300 didenda RM10k
Muka Surat	:	19

Pemborong sawit rasuah RM300, didenda RM10k

Johor Bahru: Seorang pemborong kelapa sawit didenda RM10,000 dan dipenjara sehari oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana merasuah seorang penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) sebanyak RM300 pada tahun lalu.

Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail menjatuhkan hukuman itu selepas Lee Chee Heng, 42, mengaku bersalah atas pertuduhan berkenaan.

Mengikut pertuduhan, Lee didakwa memberi suapan wang tunai sebanyak RM300 kepada seorang Pembantu Penguat Kuasa Majlis Perbandaran Kluang (MPK) supaya tindakan undang-undang kerana menjalankan kerja tanah yang menyebabkan kekotoran, tidak diambil ke atasnya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Kampung Paya Dalam Palembang, Kluang, pada 15 Oktober tahun lalu.

Sementara itu, dalam prosiding berlainan di mahkamah yang sama, seorang pengusaha rumah inap didakwa kerana merasuah seorang penguat kuasa sebanyak RM3,000 bagi membatalkan kompaun PBT tahun lalu.

Tertuduh, Wong Xin Wei, 30, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Wong didakwa memberi suapan wang tunai sebanyak RM3,000 kepada

seorang Pembantu Penguat Kuasa MPK, supaya membatalkan kompaun bagi kesalahan mempamer iklan tanpa lesen MPK.

Selain itu, suapan berkenaan juga diberi bagi membatalkan satu lagi kompaun bagi kesalahan menjadikan tanah pertanian sebagai premis rumah inap.

Kesalahannya itu dilakukan di Pejabat Penguatkuasaan dan Keselamatan MPK, kira-kira jam 3.30 petang pada 13 Julai tahun lalu.

Hakim memerintahkan Wong dijamin sebanyak RM8,000 dengan seorang penjamin.

Tertuduh juga diarahkan menyerahkan pasport ke mahkamah selain perlu melaporkan diri pada setiap bulan di pejabat SPRM Kluang sehingga kesnya selesai.

Lee dan Wong masing-masing didakwa mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Kes Lee dan Wong dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Yunus Mohamed. Manakala Lee diwakili peguam Im Pang Kiat dan Wong diwakili peguam, T Vijaya Sundram dan V Kirthana Darshaynie.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 26 April ini.

Tertuduh turut diarahkan menyerahkan pasport ke mahkamah



KERATAN AKHBAR 12 April 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Azmin dakwa audio Anwar-Zahid sahih
Muka Surat	:	20

Azmin dakwa audio Anwar-Zahid sahih

Gombak: Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menyatakan keyakinannya bahawa audio rakaman yang tersebar dan dikatakan milik suara Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi adalah sahih.

Menurutnya, sebagai bekas Setiausaha Sulit Anwar, Mohamed Azmin yang juga Ketua Penerangan Perikatan Nasional (PN), beliau percaya rakaman suara itu milik dua individu terbahit.

“Sebagai pegawai yang berkhidmat dengan beliau (Anwar Ibrahim) sekian lama dan menjadi setiausaha sulit, saya yakin itu adalah rakaman yang sahih dan akan dibuktikan melalui penyiasatan yang akan dilakukan.

“Kita berharap kedua-dua individu ini perlu jujur, sekurang-kurangnya kepada ahli parti masing-masing,” katanya kepada media di Program Semarak Malaysia Prihatin dan Penyampaian Sumbangan Ihya’ Ramadan Parlimen Gombak di sini, semalam.

Mohamed Azmin berkata, perbualan telefon itu juga dilihat sebagai pengkhianatan terbesar oleh Anwar kepada partinya sendiri.

“Saya kira ini adalah pengkhianatan terbesar dilakukan Anwar, bukan sahaja kepada partinya sendiri tapi juga kepada anggota komponen Pakatan Harapan (PH) kerana secara sulit menjalankan rundingan dan perbincangan.

“Kita menuntut supaya siasatan segera dijalankan, saya kira ia dapat memberi ruang kepada mana-mana pihak untuk membela diri,” katanya.

Sebelum ini, tular audio perbualan mirip suara Ahmad Zahid dan Anwar yang tersebar sejak Selasa lalu dan masing-masing masih belum membuat sebarang laporan polis mengenai rakaman terbabit.

Dalam perkembangan lain, Mohamed Azmin berkata, sebanyak 22 masjid dan 106 surau di kawasan Parlimen Gombak menerima sumbangan bantuan sempena Ramadan.

Kira-kira RM1 juta sumbangan disalurkan bagi membantu masjid dan surau sepanjang Ramadan ini.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 April 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Pemain Selangor FC lebih matang
Muka Surat	:	47

Pemain Selangor FC lebih matang

Konada Lestari Pasukan Selangor FC boleh dikatakan berubah corak permainan dengan pemain lebih matang seterusnya memamerkan aksi sebenar seperti direncanakan kepada mereka ketika bertemu Perak FC malam kelmarin.

Jelas sekali pengendali Selangor FC, Karsten Neitzel cukup gembira dan berpuas hati pasukan diberikan harapan besar untuk menandingi pendahulu Liga Super,

Johor Darul Ta'zim (JDT) sudah mendapat rentak untuk menjadi pencabar kepada tiga kelompok teratas liga.

Katanya, walaupun pemain memamerkan aksi mantap, banyak lagi 'kerja rumah' perlu dilaksanakan jika mahu mengekalkan momentum kemenangan pada perlawanan akan datang.

"Pada perlawanan menentang Perak FC malam tadi (kelmarin) sebenarnya ba-

nyak peluang dicipta untuk menjaringkan gol lebih banyak.

"Akhirnya kemenangan berpihak kepada kita dan boleh saya katakan perlawanan terbabit adalah terbaik bagi Selangor FC," katanya.

Perlawanan itu menyaksikan Selangor FC 'mengamuk' dengan menjadikan Perak FC sebagai mangsa menerusi kemenangan 3-1 di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).



PENJAGA gawang Perak FC, Muhammad Hafizul Hakim Khairul Nizam Jothy (tengah) menangkap ketras bola dalam aksi saingan Liga Super di Stadium MBPJ.



KERATAN AKHBAR 12 April 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Eddin mohon maaf
Muka Surat	:	3



Timbalan Menteri tertidur akibat keletihan, tidak sihat

TIMBALAN Menteri Kerja Raya, Datuk Eddin Syazlee Shith memohon maaf kerana tertidur akibat keletihan ketika menghadiri Majlis Khatam al-Quran dan Graduasi Huffaz kali ke-5 Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah di Seremban, Negeri Sembilan kelmarin.

► LAPORAN PENUH DI MUKA 3

Timbalan Menteri tertidur ketika majlis graduasi

Eddin mohon maaf

Oleh ZAKINA WATI
 AHMAD TARMIZI

SEREMBAN – Kejadian Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Eddin Syazlee Shith tertidur ketika menghadiri Majlis Khatam al-Quran dan Graduasi Huffaz Kali ke-5, Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah di sebuah hotel di sini kelmarin adalah disebabkan beliau keletihan dan kurang sihat.

Perkara itu dimaklumkan sendiri Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada Eddin, Farahiah Zubir semalam.

Menurut Farahiah, susulan kejadian itu, Timbalan Menteri berkenaan telah memohon maaf kepada semua pihak yang terlibat.

"Beliau (Eddin Syazlee) sebenarnya terlalu keletihan dan kurang sihat.

"Bagaimanapun, bagi memenuhi undangan jemputan, beliau gagahkan diri untuk hadir," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Farahiah berkata, pada majlis berkenaan, Eddin telah meluluskan pemasangan penghawa dingin untuk dewan Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah dan juga menyumbang sedikit dana untuk membantu pihak sekolah memperoleh bas untuk kegunaan pelajar.

Terdahulu, satu rakaman video berdurasi satu minit telah tular di media sosial menunjukkan Eddin Syazlee tertidur ketika sedang duduk di sebuah kerusi di atas pentas.

Kejadian berlaku ketika beliau menjadi tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran dan Graduasi Huffaz Kali ke-5 Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah di sebuah hotel.

Video tersebut turut memaparkan dua individu yang berada di atas pentas cuba mengejutkan



TANGKAP layar daripada rakaman video yang tular menunjukkan seorang individu cuba mengejutkan Eddin Syazlee yang tertidur di atas pentas.

Eddin Syazlee, namun gagal sebelum seorang lelaki dipercayai pengawal peribadi Timbalan Menteri itu naik ke atas pentas dan mengejutkan beliau.

Pada 11 November tahun lalu, Eddin Syazlee yang ketika itu menjawat jawatan Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia (KKMM) pernah dilaporkan pitam ketika menghadiri persidangan Dewan Rakyat.

Insiden pemimpin kerajaan tertidur ketika menghadiri majlis rasmi pernah berlaku ke atas bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim pada tahun 2013 ketika beliau sedang berada dalam sebuah sidang akhbar.



EDDIN SYAZLEE



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 April 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Misi Al-Mulk peringkat komuniti
Muka Surat	:	14

Misi Al-Mulk peringkat komuniti

Gerakan menjelang
 World #QuranHour
 pada 6 Mei ini

Oleh NURHIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

Buat pertama kalinya menjelang 'World #QuranHour' pada 6 Mei ini, Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF) bersama rakan sinergi, Yayasan Nur Karangraf Malaysia, Persatuan Sejahtera Rimba Damai Setia, Rumah Ngaji Damansara Damai dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya menganjurkan program 'Tick Talk & Road to World #QuranHour: Better Me'.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUI), Marhaini Yusoff berkata, program yang memba-



Penganjur bersama komuniti terlibat dengan program 'Tick Talk & Road to World #QuranHour: Better Me' di Damansara Damai pada Ahad.

wa misi surah Al-Mulk itu merupakan gerakan yang dimulakan di peringkat komuniti dan akan dikembangkan di seluruh negara.

Menurutnya, ia dilaksanakan menerusi pendekatan menggerakkan aktiviti infak daripada komuniti kepada komuniti yang tidak hanya tertumpu kepada komuniti Islam sebaliknya menyantuni golongan bukan Islam.

"Program ini memberi fokus

kandungan surah Al-Mulk yang terdiri daripada tiga motivasi mengenai kehidupan iaitu mencari keberkatan hidup, mengingati mati dan bagaimana untuk menjadi lebih baik (*better me*).

"Better Me merupakan konsep yang kita bawa pada hari ini di mana kita mulakan dalam komuniti Damansara Damai. Kita mengundang 150 pelajar mewakili 150 keluarga untuk menerima sumbangan baucar makanan.

"Mereka bukan hanya terdiri daripada yang beragama Islam tetapi juga bukan Islam di mana kita bawakan nilai-nilai kelestarian dalam Damansara Damai bagaimana untuk kita saling menyayangi tanpa mengira bangsa dan agama," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada program berkenaan di sini pada Ahad.

Jelas beliau, pendekatan melalui program berkenaan ialah menerapkan nilai sebenar ajar-

an al-Quran.

"Untuk membuat kebaikan bukan perlu pilih sesiapa. Bukan hanya untuk memberi sumbangan atau kebaikan kepada orang Islam sahaja. Kita mahu perkara itu subur dalam masyarakat," katanya.

Antara lain program itu juga bertujuan melancarkan tabung Food Bank melalui sistem baucar serta memahami *Sustainable Development Goals* (SDG) dalam kelestarian kehidupan.

SDG termasuk aspek tidak miskin, tiada kelaparan, mempunyai kesihatan dan persekitaran yang baik, pendidikan berkualiti dan bekerjasama untuk pencapaian.

Data peserta akan dikumpulkan oleh penganjur bagi memantau kehidupan mereka.

Di samping itu, mereka juga boleh berusaha menambah baik kehidupan dengan menyertai projek kebun komuniti iaitu menanam dan menjual hasil tanaman.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
11 April 2021

Akhbar	:	RTM1
Tajuk Berita	:	Bandar Bukit Beruntung, Bandar Bukit Sentosa Bakal Dibangunkan Semula
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
12 April 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Azmin believes leaked audio clip is authentic
Muka Surat	:	2

Azmin believes leaked audio clip is authentic

With the rakyat:
 Azmin talking to a resident after handing over contributions for Ramadan at Masjid Gombak Utara in Kuala Lumpur.
 — Bernama



By **ZAKIAH KOYA**
 newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Senior Minister Datuk Seri Azmin Ali believes the leaked audio clip allegedly of a conversation between Datuk Seri Anwar Ibrahim and Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi is authentic based on his long working relationship with the PKR president. "I can testify not only to his (Anwar) voice but also his laughter. "As an officer for Anwar, having worked for him for such a long time as his former private secretary, I am convinced it is an authentic recording," he said. The International Trade and Industry Minister and Gombak MP was speaking to the media after handing over contributions for Ramadan at a function yesterday at Masjid Gombak Utara. He called on the authorities to carry out a

thorough investigation into the audio clip. "I hope the two implicated individuals (Ahmad Zahid and Anwar) would be honest, at least to their own party members," he added. On April 7, the audio clip purportedly of a conversation between Anwar and Ahmad Zahid, discussing the latter's performance at the recent Umno annual general assembly, went viral. The conversation between the two also said there was a need to hold an extraordinary Umno supreme council meeting to mandate the president to enable him to make the decision to leave the Perikatan Nasional government. Both Ahmad Zahid and Anwar have since said they would ask their officers to file police reports on the audio clip, claiming it might have been faked and was a political conspiracy.



KERATAN AKHBAR		
12 April 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Perak, Negri and Melaka allow bazaars
Muka Surat	:	6

Perak, Negri and Melaka allow bazaars

By **IVAN LOH**
 ivanloh@thestar.com.my

IPOH: Ramadan bazaars are allowed in Perak, says state local government committee chairman Datuk Nolee Ashilin Mohamed Radzi.

"Traders at the bazaars must strictly adhere to Covid-19 standard operating procedure.

"All local councils will determine the locations for the bazaars and to ensure the SOP is followed," she said yesterday.

Ipoh Mayor Datuk Rumaizi Baharin said 25 locations in the city had been earmarked for the bazaars.

"There will be 1,065 trading lots this year, with each to be placed about 3m apart.

"Traders must wear face masks and gloves and are also required to get anti-typhoid jabs and attend food-handling courses," he said.

He added that the city council's public health and council services unit and enforcement department would be monitoring the bazaars to ensure SOP compliance.

"There will be mandatory body temperature check and hand sanitisers at the entry point," Rumaizi said, adding that cashless payments would be introduced at most locations to minimise physical contact.

"We encourage both traders and visitors to use e-wallet apps," he said.

Meanwhile, the Taiping Municipal Council has prepared 10 locations to hold the bazaars.

The council has also allowed Aidilfitri expos at five sites, including Jalan Panggung Wayang, Taiping Mall, Persiaran Medan Kamunting Jaya and Arena Square Batu Kurau.

In Negri Sembilan, the state government will allow Ramadan bazaars during the fasting month if the number of Covid-19 cases remains under control, says Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun.

He previously said all local councils in the state had been asked to identify areas where these bazaars could be set up while strictly following the SOP.

Negri Sembilan was the first state to ban Ramadan bazaars last year to stem the spread of Covid-19.

In Melaka, Hang Tuah Jaya Municipal Council president Datuk Shadan Othman said the bazaars in the state would be allowed to run with strict adherence to the SOP.

Any decision on cancelling them would only be made upon the advice of the state National Security Council, he added.

Meanwhile, Kuala Lumpur City Hall (DBKL) said that Ramadan bazaars would be allowed at 65 locations, from 3pm to 8pm daily, according to Bernama.

"Visitors to Ramadan bazaars are required

to comply with the SOP such as wearing face masks, having their body temperature scanned and to check in with the MySejahtera app," it said in a statement.

DBKL said the Aidilfitri Bazaar that previously operated along Jalan Raja would be back at its original site, Lorong Tuanku Abdul Rahman, from April 17 to May 12.

